

Sumbangan bantuan bencana banjir

Pharmaniaga, GM Klang laksana tanggungjawab CSR siap siaga banjir bersama Kumpulan Sinar Karangkraf

Oleh DIANA AZIS
SHAH ALAM

Kumpulan Sinar Karangkraf menerima sumbangan berupa barang asas serta ubat-ubatan untuk disalurkan kepada mangsa banjir seluruh negara.

Ketua Pemasaran dan Penjenamaan Sinar Karangkraf, Nik Justin Nik Mohd Ariffin berkata, sumbangan daripada dua syarikat tempatan itu membolehkan Kit #Bantuan Bencana Sinar Karangkraf diaghikan kepada

mereka yang terjejas bermula 25 November ini.

"Tahun ini kita lakukan persediaan awal untuk mengumpul sebanyak mungkin penaja yang mahu bersama-sama melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) pada musim tengkujuh.

"Sebagai permulaan, kita menerima sebanyak 200 kotak parasetamol dan 200 botol Vitamin C yang disumbangkan oleh syarikat farmaseutikal tempatan, Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) untuk disalurkan kepada mereka yang terjejas nanti," katanya pada Majlis Penyerahan Kit #Bantuan Bencana Sinar Karangkraf pada Khamis.

Sementara itu Ketua Komunikasi dan Pemasaran Pharmaniaga Berhad, Datuk Najmuddin Abdullah berkata, produk ActiMol (parasetamol) dan Vitamin C keluaran syarikat itu merupakan keperluan asas khususnya kepada mangsa banjir yang akan ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS).



Najmuddin Abdullah (tengah) menyerahkan Kit #Bantuan Bencana kepada Nik Justin (kiri) untuk disumbangkan kepada mangsa bencana di Kompleks Karangkraf pada Khamis. Turut hadir, Pengurus Kanan Tugas-tugas Khas Kumpulan Karangkraf, Hashim Anang (kanan).

"Vitamin C dapat membantu ketahanan badan serta mencegah mangsa dijangkiti penyakit bawaan air manakala ActiMol (parasetamol) pula seperti sedia maklum, diambil se-

kiranya sakit kepala, demam atau sakit ringan.

"Jadi kami sumbangkan dua produk top dari Pharmaniaga ini kepada Kit #Bantuan Bencana Sinar Karangkraf dan berharap

misi yang akan dijalankan nanti mencapai matlamatnya," kata beliau.

Dalam pada itu pusat borong GM Klang turut menyumbang barang keperluan asas seperti tuala, pengecas bateri mudah alih (power bank), makanan ringan dan lampu suluh untuk dilekatkan bersama kit bantuan tersebut.

Pengurus Komunikasi Jenama GM Klang, Norsuhaida Othman berkata, pihaknya sentiasa terbuka untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak dalam memperkasakan program CSR syarikat sebagai inisiatif mendekati masyarakat yang memerlukan bantuan.

"Program Kit #Bantuan Bencana Sinar Karangkraf adalah saluran tepat untuk bekerjasama menyumbang kepada mangsa yang terjejas.

"Diharapkan program seumpama ini akan diteruskan dan semestinya GM Klang sentiasa menyokong aktiviti sukarelawan selagi mana ia bertujuan untuk membantu masyarakat yang dalam kesusahan," ujarnya.

PRU15: Masih keliru pilihan kalbu?



DR ANIS YUSAL YUSOFF

Tinggal satu hari saja lagi sebelum keseluruhan rakyat Malaysia yang berdaftar keluar mengundi.

Ruang masa berkempen yang panjang untuk semua parti-parti politik seharusnya telah dapat menyakinkan pengundi dan penyokong masing-masing.

Namun ada juga yang masih keliru. Ada yang menjadi keliru mungkin kerana mendapat maklumat terkini melalui TikTok bahawa si polan yang mereka ingin sokong rupanya sudah terpalit dengan pelbagai skandal.

Ada juga yang menjadi keliru bila mendengar sesetengah pemimpin menyatakan bahawa pengisytiharan harta itu adalah satu kebodohan.

Ia diumpamakan seolah-olah mahu menunjuk-nunjuk kekayaan kepada orang ramai.

Tidak kurang juga yang terkedu apabila diberitahu bahawa kehadiran di Parlimen oleh seorang wakil rakyat bukan seperti kehadiran di sekolah.

Ada situasi yang lebih mengelirukan apabila ada calon tersusul dan meminta pengundinya menyokong parti lawan. Semua ini berlaku dalam tempoh berkempen untuk PRU15 kali ini.

Namun rata-rata kita dapat melihat kempen PRU15 kali ini tidak jauh beza dengan yang sebelumnya kerana ia dijadikan sebagai medan di mana orang-orang yang berkempen membina persepsi tertentu sama ada dalam memuji calon mereka ataupun mengeji lawan.

Dalam konteks ini, sesiapa yang lebih meyakinkan dalam membina persepsi tersebut berdasarkan naratif yang lebih jelas dan diterima logik fikiran, maka mereka yang akhirnya akan dipercayai ramai dan ini boleh dijemahkan kepada undi.

Begini jugalah dengan pelbagai alasan yang diberikan untuk melawan hujah pihak lawan. Sebagai contoh, apabila ada satu pihak yang cuba menunjukkan bahawa mereka menghormati sistem demokrasi yang lebih telus dengan mengisytiharkan harta, satu pihak yang lain pula menempelak bahawa itu satu tindakan bodoh seolah cuba menunjuk-nunjuk kekayaan.

Sedangkan kita semua tahu semangat di sebalik pengisytiharan harta oleh seseorang calon itu adalah agar rakyat dapat mengetahui harta sedia ada seseorang calon sebelum mereka ini diamanahkan dengan jawatan.

Sebab itu dengan cara mengisyiharkan harta yang dibuat di hadapan pesuruhjaya sumpah, rakyat dapat memantau sama ada selepas seseorang calon itu menang dan dapat memegang jawatan, adakah mereka menyalah guna kedudukan untuk mengaut dan mengumpul harta peribadi.

Itu antara tujuannya, selain pengisytiharan harta ini menjadi alat penting untuk menangani rasuah, dan konflik kepentingan. Bagi mana-mana pihak yang menentang rasuah, pengisytiharan harta perlu disokong.

Tulisan ini bukan bertujuan untuk memberi maklumat tentang siapa yang benar atau salah, tetapi untuk memberi maklumat tentang situasi yang bagaimana yang akan menjadikan negara ini lebih baik.

Pemimpin yang lebih telus atau yang memberi alasan tidak mahu menunjuk-nunjuk kekayaan mereka.

Malah rakyat harus mendesak agar satu sistem *governans* yang baik perlu dipatuhi oleh semua calon yang bertanding demi kelangsungan dan masa depan negara. Kita perlukan calon yang bukan saja telus, tetapi juga ada akabiliti, efisien dan efektif untuk menggalas tugas sebagai wakil rakyat.

Rakyat perlukan wakil rakyat yang boleh berpikir dan memberi cadangan terbaik yang pragmatik untuk menyelesaikan masalah rakyat. Kita perlu

tahu apakah rancangan mereka untuk memulihkan kadar mata wang negara kita umpsamanya?

Apakah cadangan mereka untuk membantu rakyat miskin yang terkesan daripada pandemik COVID-19 untuk kembali ke situasi sebelum krisis? Begitu juga dengan masalah gaji dan pengangguran.

Saya masih ingat semasa PKP yang lalu ketika ramai kehilangan pekerjaan dan jatuh miskin, ada orang yang mencetuskan idea bendera putih sebagai cara untuk pihak yang ingin membantu dapat mengenal pasti keluarga atau rumah yang memerlukan bantuan.

Walaupun idea ini mendapat kritikan ramai, namun ia terbukti berjaya membantu ramai pihak.

Kita sama-sama doakan agar 222 kerusi di Dewan Rakyat akan dipenuhi dengan orang-orang yang menghormati demokrasi, mengamalkan *governans* baik, berada dalam berhujah dan paling penting mempunyai idea yang berbasar untuk menyelesaikan rintihan rakyat dan menggubal undang-undang serta dasar negara yang akan menguntungkan rakyat terbanyak.

Moga doa kita ini dimakbulkan Tuhan.